

TEKS UCAPAN

YAB DATUK PATINGGI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT

TARIKH & MASA:

2 NOVEMBER 2024 (SABTU) | 11:00 PAGI

TEMPAT:

RUMAH PANJANG ENTERI AK LENGKOI, SAMU,
ULU PAKU, SPAOH, BETONG

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Selamat Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI SEWAJARNYA

MUKADDIMAH

1. Pantun:

Betong nan indah di mata kamek,
Uniknya buah di pasar tamu,
Terima kasih menjemput kamek,
Sarawak sik pernah kamek jemu.

2. Negeri Sarawak ini sangat dekat di hati saya. Bukan sebab Timbalan Menteri saya asalnya dari Sarawak tetapi saya sentiasa berasa selesa dan *it feels like home* setiap kali saya berada di Sarawak. Lebih-lebih lagi mempunyai ramai sahabat dan kenalan lama yang sentiasa bersama ketika susah dan senang.

3. **Saya masih ingat lagi tahun lepas kehadiran saya ke Enteri Lengkoi, Betong** ini bagi menghadiri **Pegerami**

Ngiling Tikai Gawai Dayak *(2 Julai)* yang mana merupakan juga acara penutupan sambutan **Gawai Dayak tahun 2023.**

4. Hari ini, saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang sudi sekali lagi menjemput saya ke Betong bersempena **Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Rumah Panjang Enteri Anak Lengkoi, Samu, Ulu Paku, Spaoh, Betong, Sarawak.**

5. Nampaknya bukan saya sahaja sayang dekat rakyat Sarawak, tetapi orang Sarawak pun macam suka bawa saya ke sini – hingga saban tahun kita dapat bertemu umpama Hari Raya pula. Alhamdulilah!

6. Kehadiran saya di sini bukan sekadar memperkukuhkan hubungan, tetapi juga menilai potensi dan keadaan infrastruktur di kawasan ini. **Tahun lepas, saya telah mengumumkan peruntukan bernilai RM2.25 juta** untuk menaik taraf fasiliti dan utiliti – Alhamdulillah, tahun ini kita dapat melihat progresnya.

7. Saya berharap usaha ini menjadi pemangkin bagi daerah Betong untuk tampil sebagai sebuah daerah dengan tarikan tersendiri, sambil turut serta dalam arus

pembangunan negara dari segi infrastruktur, ekonomi, keusahawanan serta pembangunan modal insan.

8. InsyaAllah, selagi saya memimpin Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), kami akan terus komited dalam membangunkan kawasan luar bandar dan meningkatkan kesejahteraan penduduknya.

PROJEK BERSEPADU PEMBANGUNAN EKONOMI KAMPUNG (PROSPEK)

Hadirin sekalian,

9. Sebagai Menteri KKDW, saya yakin bahawa program dan projek yang dirancang oleh KKDW, termasuk **Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK)** akan membawa manfaat besar kepada penduduk desa. **PROSPEK** mengoptimumkan pembangunan di perkampungan sedia ada melalui tiga komponen utama: ekonomi, prasarana asas, dan perumahan.

10. Melalui projek ini, kami menyasarkan pembangunan *niche products* - iaitu produk yang memenuhi keperluan dan

minat unik masyarakat setempat, sekaligus mewujudkan kesetiaan pelanggan dan mengurangkan persaingan.

11. Saya percaya dengan adanya *economic of scale*, kos per unit produk dapat dikurangkan, menjadikannya lebih kompetitif di pasaran. Saya gembira melihat 19 PROSPEK sedang dilaksanakan di seluruh negara, dengan 14 projek sambungan dan lima projek baharu pada tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM22 juta.

12. Di Sarawak, PROSPEK telah bermula pada 2020 dengan tiga projek utama: **PROSPEK Matu, PROSPEK Lawas,** dan yang terbaru **PROSPEK Kota Samarahan** dengan jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan pada tahun ini berjumlah RM2.8 juta. Kesemua projek ini dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS) dengan tempoh pembangunan lima tahun. Untuk 2025, terdapat cadangan untuk dua projek baharu di Betong dan Sebuyau.

13. Bagi PROSPEK Betong, InsyaAllah akan bermula pada 2025 dan **akan menjadi projek pertama yang melibatkan rumah panjang di kawasan DUN N37 Betong, memberi manfaat kepada lebih 3,000 penduduk.**

14. Projek ini akan merangkumi 94 rumah panjang dan kawasan sekitarnya, dengan **fokus kepada aktiviti ekonomi seperti pertanian, penternakan, dan kraftangan.** Pengembangan *niche product* seperti penternakan ayam dan tanaman halia - akan menjadi tunjang utama komponen ekonomi PROSPEK Betong.

15. Saya berharap agar keberhasilan pembangunan yang dirancang bukan sahaja mampu meningkatkan taraf hidup penduduk, malah dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada anak-anak muda di Betong, dan membina ekonomi setempat.

BANTUAN BAIK PULIH (BP) RUMAH PANJANG ENTERI ANAK LENGKOI

Hadirin sekalian,

16. Susulan lawatan saya ke Sarawak pada 2 Julai 2023, saya telah mengumumkan bahawa Rumah Panjang Enteri Lengkoi, Samu, Spaoh, Betong, Sarawak diberi **peruntukan bernilai RM2.25 juta untuk pelaksanaan naik taraf fasiliti dan utiliti bagi 24 unit pintu rumah panjang di sini.**

17. Untuk tujuan ini, **KKDW telah melantik GIATMARA sebagai agensi pelaksana dan agensi pembayar bagi projek ini.**

18. Dalam menyokong hasrat ini, KKDW seterusnya bersama GIATMARA Sarawak telah membuat **lawatan pemantauan** bagi pelaksanaan naik taraf fasiliti dan utiliti di Rumah Panjang Enteri Lengkoi **pada 10 Julai 2024 dan 21 Oktober 2024.**

19. Ekoran lawatan pemantauan tersebut, beberapa perencanaan baharu meliputi kerja-kerja baik pulih serta naik taraf fasiliti dan utiliti Rumah Panjang Enteri Lengkoi dilaksanakan ke arah memastikan keselamatan dan keselesaan di kalangan penduduk setempat.

20. Perancangan yang telah direncanakan melibatkan **kerja-kerja baik pulih dan naik taraf bahagian dalam dan luar rumah panjang, Pemasangan Transformer 3 Phase dan *Rewiring* bagi keseluruhan bahagian dalam rumah panjang.**

21. Pada masa ini, status pelaksanaan terkini bagi projek naik taraf ini adalah sebanyak 85% dengan baki 15% adalah

bagi **kerja-kerja pendawaian yang dijangka selesai pada bulan Disember 2024.**

22. Naik taraf ini bukan sahaja meningkatkan keselesaan dan keselamatan penduduk, tetapi juga menjadi bukti komitmen kerajaan dalam memastikan kesejahteraan komuniti rumah panjang sentiasa terpelihara.

BANTUAN PERSEKOLAHAN PELAJAR

23. Selain usaha yang telah saya sebutkan tadi, saya juga amat menekankan aspek modal insan di kalangan masyarakat luar bandar agar tidak dipinggirkan keperluannya, yang meliputi bantuan persekolahan yang menyeluruh daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat tertiari.

24. Untuk itu, KKDW melalui **Yayasan Pelajaran MARA (YPM)** tidak ketinggalan dalam melaksanakan inisiatif *Corporate Social Responsibility* (CSR) melalui beberapa skim bantuan persekolahan yang disalurkan kepada pelajar miskin di peringkat persekolahan.

25. Antara inisiatif CSR utama yang dilaksanakan oleh YPM adalah **Skim Bantuan Persekolahan YPM (SBP) – Rendah dan Menengah** yang disalurkan kepada 632 orang pelajar di Negeri Sarawak (Sekolah Rendah – 224 orang, Sekolah Menengah – 408 orang) dengan peruntukan sebanyak RM85,400 (Sekolah Rendah – RM34,500, Sekolah Menengah – RM50,900).

26. Saya yakin bantuan yang disampaikan ini merupakan galakan untuk mempertingkatkan prestasi akademik pelajar. Inisiatif berbentuk bantuan peralatan/kelengkapan persekolahan/wang tunai adalah berperanan dalam memastikan pelajar dari golongan pertengahan dan rendah mendapat perhatian sewajarnya selain memberi sokongan moral kepada ibu bapa/penjaga dalam membantu menyediakan keperluan persekolahan.

27. Semoga bantuan ini dapat menjadi perangsang kepada pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik yang bukan sahaja mengubah masa depan mereka, tetapi juga membawa perubahan positif kepada keluarga dan masyarakat.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

28. Saya berharap inisiatif KKDW bagi membantu penduduk di Sarawak umumnya dan Betong khasnya untuk meningkatkan pendapatan melalui projek dan program ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban tuan-tuan dan puan-puan yang terlibat, khususnya dalam keadaan ekonomi yang serba mencabar ini.

29. Nasihat saya kepada semua, manfaatkanlah bantuan Kerajaan Persekutuan yang dikurniakan ini dengan sebaik mungkin dan jadikan penglibatan tuan-tuan dan puan-puan dalam projek atau program ini sebagai kunci ke arah masa depan keluarga serta masyarakat yang lebih baik.

30. **Jagalah kemudahan dan prasarana yang disediakan dengan penuh tanggungjawab** dan saling membantu sesama penduduk bagi mencapai matlamat untuk kesejahteraan bersama.

31. Marilah kita semua berganding bahu menjadikan Betong sebagai contoh teladan pembangunan luar bandar yang berjaya dan berdaya saing.

32. Saya percaya bahawa semangat rajin berusaha dan permuafakatan antara kita akan membuahkan hasil yang baik untuk masa depan semua penduduk di sini. Dengan kebersamaan dan keprihatinan yang kukuh antara kita, InsyaAllah kita mampu mencipta perubahan yang berkekalan.

33. Saya doakan agar semua penduduk Betong sentiasa dikurniakan rezeki yang melimpah ruah dan berkat projek-projek pembangunan yang dilaksanakan dapat mewujudkan keharmonian kepada masyarakat di Betong dan Negeri Sarawak keseluruhannya.

34. Saya akhiri ucapan ini dengan serangkap pantun:

Anak ikan semah berenang,
Di tepi Betong, airnya jernih,
Selamat tinggal, kenangan dikenang,
Betong di hati, kasihnya sik beralih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.